



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



**TEKS UCAPAN  
TS. ROSEMAN BIN MAT JIDIN**

**PSA PRIHATIN : PROGRAM SUMBANGAN  
PASCA BANJIR YaPEIM**

**POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH  
21 JANUARI 2021**

Terima kasih Pengerusi Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

Yang Berusaha,  
Puan Che Nor Azila binti Che Ghani  
Pengurus YaPEIM Negeri Selangor

Yang Berusaha,  
Ts. Dr. Ahmad Aftas bin Azman  
Timbalan Pengarah Sokongan Akademik

Yang Berusaha,  
Puan Rohana binti Sahak  
Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar,

Yang Berusaha,  
Tuan Haji Mohd Sharoni bin Ismail,  
Pengerusi Kelab Kebajikan Kakitangan PSA

Yang Berusaha,  
Ustaz Mohamad Sofiyuddin bin Zakaria,  
Pengerusi Pusat Islam PSA

Yang Berusaha,  
Encik Yaacob bin M. Alias  
Ketua Penyelaras Sumber YaPEIM Negeri Selangor

Yang Berusaha,  
Encik Mohd Firdaus Muhamad  
Ketua Penyelaras Komuniti YaPEIM Negeri Selangor

Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai YaPEIM,  
kakitangan PSA serta hadirin hadirat yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, segala pujian dan syukur saya rafak ke hadrat Allah SWT yang telah menganugerahi kita hari yang penuh keberkatan untuk kita bersama-sama dalam majlis pada hari ini. Saya mewakili Pengarah, Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail ingin mengalu-alukan kehadiran Pegawai-pegawai YaPEIM ke Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA). Tidak terlewat juga untuk saya ucapkan Selamat Tahun Baharu 2022.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

2. Tanggal 18 Disember 2021, ketika kita masih bergelut dengan pandemik COVID-19, bencana banjir pula tiba tanpa diduga. Kita digemparkan dengan **gelombang banjir yang hampir melumpuhkan sebahagian besar kawasan di sekitar Lembah Klang termasuk beberapa daerah di Negeri Selangor.**
3. Berbeza dengan negeri-negeri di Pantai Timur yang mana penduduknya telah biasa menghadapi musim banjir, penduduk di Lembah Klang pula tidak menjangkakan situasi ini terjadi dan langsung tidak bersedia. Ketika itu kita

dapat melihat situasi yang kritikal di kawasan-kawasan terjejas yang dilaporkan khususnya di media-media sosial.

4. Justeru, PSA turut terpanggil untuk menghulurkan bantuan berdasarkan kemampuan yang kami ada. Pada awalnya kita bersedia untuk menempatkan para pelajar dan staf yang terjejas khususnya mereka yang berada di kawasan TTDI Jaya dan sekitar Shah Alam. Kemudian PSA secara rasminya diminta untuk membuka **Pusat Pemindahan Sementara (PPS)** dan terus beroperasi pada 18 Disember hingga 26 Disember 2021. Secara keseluruhannya seramai **482 mangsa telah ditempatkan**. Pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, syarikat korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta orang awam turut terlibat dalam memberi sumbangan dan membantu mangsa-mangsa banjir yang terjejas. Kita juga menerima sokongan yang padu daripada seluruh politeknik dan kolej komuniti dengan memberikan bantuan sama ada kewangan, peralatan ataupun tenaga kerja.
  
5. Selain itu, **Yes! Politeknik iaitu Unit Sukarelawan PSA** telah bertindak melaksanakan operasi menyelamatkan dan menyalurkan bantuan kepada staf, pelajar dan komuniti setempat di kawasan-kawasan terjejas. Ini termasuk

mengadakan gotong-royong pembersihan serta mengagihkan barangan keperluan asas serta wang tunai. Program menyantuni mangsa banjir ini merupakan sebahagian daripada **Program PSA Prihatin: We Care We Share** yang bertujuan membantu dan meringankan beban mereka yang terkesan akibat banjir yang berlaku baru-baru ini. Program ini juga sejajar dengan Misi Bantuan Bencana Banjir PolyCC Malaysia yang digerakkan oleh politeknik dan kolej komuniti seluruh negara hasil **aspirasi inisiatif KPT Prihatin** yang digerakkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

6. Alhamdulillah, pada hari ini kita disantuni oleh **Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM)**. Kami amat berbesar hati dan merakamkan ucapan terima kasih kerana bersama-sama dalam membantu mangsa-mangsa yang terkesan demi kesejahteraan ummah.
7. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak **Koperasi, Kelab Kebajikan Kakitangan dan Pusat Islam PSA** yang turut sama memberikan sumbangan. Mereka juga antara yang terawal tampil memberikan bantuan khususnya dalam membantu mangsa-mangsa yang ditempatkan di PPS ketika itu.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

8. Berdasarkan data **Sadaqah Jariah daripada Skim Potongan Gaji (SPG)**, seramai 161 orang staf telah menyumbang setiap bulan. Pihak pengurusan PSA amat menghargai inisiatif dan sumbangan yang diberikan. Semoga lebih ramai lagi yang tampil berkongsi rezeki bagi membantu saudara-saudara kita yang memerlukan. Sabda Nabi SAW: *“Tidaklah sedekah itu mengurangkan harta seseorang, bahkan ALLAH SWT akan menambahkan kemuliaan bagi orang yang memberi kemaafan. Begitu juga ALLAH SWT akan mengangkat kedudukan seorang yang bersifat tawaduk”* (HR Muslim).
9. Firman Allah SWT yang bermaksud: *"Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambah nikmat-Ku kepada kamu dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah pedih."* (Surah Ibrahim, ayat 7)
10. Semoga sumbangan bakti tuan-tuan dan puan-puan diberkati dan diredhai Allah SWT.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

11. Bencana banjir kali ini memberi kesan yang cukup besar. Hampir kesemua mangsa banjir mengalami kebimbangan dan trauma emosi. Selain itu, mereka juga terpaksa berhadapan dengan kerosakan rumah, kenderaan dan harta benda. Malah, ada yang turut kehilangan nyawa. Semoga semua yang terkesan diberi kekuatan dan dipermudahkan segala urusan. Yakinlah, segala perancangan Allah SWT adalah yang terbaik.
  
12. Sebelum mengundur diri, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak YaPEIM serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis kita pada hari ini.

Sekian, wabillahhi taufiq wal hidayah,

Assalamualaikum warahmatullah hi wabarakatuh,